

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 18 OKTOBER 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Comos EcoRide tarikan ke Melaka	Utusan Malaysia
2.	Kilang Lynas keluar sisa radioaktif tahap rendah – Pasukan IAEA	BERNAMA
3.	IAEA reports no long-term plan for Lynas waste	The Malaysian Insider
4.	IAEA: Lynas plants safety showing good progress	The Star
5.	TPM Biotech sasar peningkatan 10 peratus hasil pada 2015	BERNAMA
6.	TPM Biotech sasar pertumbuhan 10 peratus tahun 2015	Berita Harian
7.	Gempa bumi sederhana landa Jawa, Indonesia	BERNAMA
8.	Gempa bumi sederhana landa Barat Daya Sumatera, Indonesia	BERNAMA
9.	Pesisiran pantai Sarawak dilanda fenomena belalai air	BERNAMA

# Comos EcoRide tarikan ke Melaka

Oleh **FARHANA JONI** dan  
**NABIL BASARUDDIN**  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 17 Okt. - Sektor pelancongan di negeri bersejarah, Melaka dijangka melonjak berikutan pengenalan kereta elektrik dalam kalangan pelancong yang akan dilancarkan seawat-lewatnya awal bulan depan.

Pengerusi Eksekutif CMS Consortium Sdn. Bhd. (Comos), Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir berkata, pihaknya menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan kerajaan negeri Melaka bagi penggunaan kenderaan elektrik dikenali sebagai Comos EcoRide itu,

semalam.

Katanya, MoU itu selari dengan matlamat kerajaan negeri Melaka yang ingin mencapai status negeri bandar teknologi hijau menjelang 2020.

“Langkah kerajaan negeri Melaka ini telah dilaksanakan di Eropah sebagai tarikan pelancong. Kami juga menyasarkan penggunaan di Kuala Lumpur dan Putrajaya,” katanya dalam sidang akhbar di Pameran Produk-produk Eco dan Teknologi Hijau Antarabangsa di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Syed Zainal Abidin berkata, pihaknya mengadakan kerjasama dengan Nissan Motor Co. Ltd. (Nissan) dan Renault SA (Renault) bagi menge-

luarkan kereta elektrik tersebut.

Katanya, mereka juga mempunyai kerjasama dengan pertumbuhan bukan berasaskan keuntungan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air iaitu Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Institut Automatif Malaysia (MAI) bagi membangunkan industri permotoran negara untuk tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Ir. Ahmad Hadri Haris berkata, terdapat beberapa cabaran pada peringkat awal untuk mengeluarkan kereta elektrik di negara ini termasuk tanggapan masyarakat bahawa harga kenderaan tersebut adalah mahal.



**TIMBALAN** Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah menaiki kereta teknologi hijau sambil diiringi Tan Sri Mustafa Mansur semasa majlis menandatangani MOU antara Green Tech dan Jabatan Standard Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID



## **Kilang Lynas Keluar Sisa Radioaktif Tahap Rendah - Pasukan IAEA**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Pakar Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) memutuskan bahawa kilang pemrosesan nadir bumi Lynas dekat Kuantan, mengeluarkan paras sisa radioaktif yang sangat rendah.

Keputusan itu dibuat oleh pasukan pakar IAEA selepas misi pemeriksaan susulan bebas bagi mengkaji semula keselamatan radiasi di kemudahan pemrosesan nadir bumi tersebut.

"Risiko radiologi kilang Lynas sangat rendah berikutan paras radioaktif yang rendah," kata ketua pasukan dan pengarah Bahagian Kitaran Bahan Api Nuklear dan Teknologi Sisa, Jabatan Tenaga Nuklear IAEA, Juan Carlos Lentijo, dalam satu kenyataan.

Beliau berkata dalam pemantauan awal, misi susulan itu mendapati kilang terbabit sudah melaksanakan 11 cadangan yang dikemukakan oleh agensi antarabangsa berkenaan semasa misi kajian dibuat pada 2011.

"Malaysia aktif mengemas kini peraturan, selari dengan kebanyakan standard keselamatan IAEA terkini," katanya.

Nadir bumi merupakan elemen yang digunakan dalam kebanyakan aplikasi berteknologi tinggi, daripada telefon mudah alih sehingga turbin angin.

Memandangkan bijih yang dihasilkan itu turut mengandungi bahan radioaktif semula jadi seperti torium atau uranium, proses itu mengeluarkan sisa radioaktif pada paras yang sangat rendah, yang mesti diurus dengan baik.

-- BERNAMA



## IAEA reports no long-term plan for Lynas waste

*The International Atomic Energy Agency (IAEA) on Friday gave a passing safety grade to a controversial Malaysia rare earths plant, but raised concerns that there was no long-term plan for properly disposing of the plant's potentially radioactive waste.*

The rare earths processing plant in the state of Pahang has generated opposition from green groups who fear radioactive contamination and have accused authorities and Lynas of overriding public concern.

In a report, the IAEA said it saw little risk of contamination due to the low-level radiation involved, and that its investigators were "not able to identify any instances of non-compliance" with international standards.

However, it also appeared to underscore environmentalists' concerns that Australian miner Lynas Corp has no long-term plan for the disposal of waste from the plant.

"Lynas needs to demonstrate that the disposal of solid waste can be carried out in a safe manner over the long-term," the report said.

It recommended that Malaysian authorities require Lynas to come up with a plan.

"There is a lack of a plan for managing the waste from the decommissioning and dismantling of the plant at the end of its life," it said.

The IAEA said its report was based on a 2011 visit to the plant, when it was still under construction.

Lynas began processing rare earths there in late 2012, after a delay of more than a year due to strong opposition.

Lynas hopes the US\$800 million (RM2.6 billion) plant can help break the Chinese stranglehold on the market for rare earths, which are used in everything from missile technology to mobile phones.

Malaysian protesters staged several large rallies before the plant opened, saying they feared radioactive contamination.

Efforts to block the plant through the courts have so far failed.

The Australian miner has insisted the plant is safe, saying any radioactive waste would be low-level and safely disposed of.

The Malaysia government has strongly thrown its support behind the project, as part of plans to develop rural areas via big-ticket foreign-invested projects.

The IAEA also said Malaysian regulatory authorities and Lynas "are encouraged to maintain a proactive approach to relations with the media, public and other stakeholders" to address what it called "continuing widespread misconceptions about the plant". – AFP, October 17, 2014.

- See more at: <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/iaea-teams-says-lynas-plant-generates-low-level-radioactive-waste-bernama#sthash.C1CYwxY8.dpuf>

## IAEA: Lynas plant safety showing good progress

**PUTRAJAYA:** A team of experts from the International Atomic Energy Agency (IAEA) has undertaken a review of radiation safety at the Lynas rare earth processing facility in Gebeng, Kuantan.

The review, carried out at the request of the Malaysian Government, looked into progress on 11 recommendations made by the IAEA international review mission to the Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) in June 2011 while the plant was under construction.

The eight-member team met officials from national and local governments, Malaysia's Atomic Energy Licensing Board (AELB), staff of Lynas Corporation Ltd and other stake-

**The IAEA team was very pleased with the openness of the Malaysian institutions, Lynas and other stakeholders.**

— JUAN CARLOS LENTIJO

holders that included non-governmental organisations and local residents.

It also visited the plant, which has been operating since 2012.

"The IAEA team was very pleased with the openness of the Malaysian institutions, Lynas and other stakeholders in providing information and views.

"This was very helpful for our understanding of the situation," said team leader Juan Carlos Lentijo, IAEA's Nuclear Fuel Cycle and Waste Technology Division director, in a statement.

In its preliminary observations, they found that good progress had been made in implementing the recommendations at the plant, which generates residues containing an extremely low level of radioactivity.

The team has said that the waste management plan should focus on

environmental monitoring activities that give due emphasis to monitoring of liquid discharges.

Communication-wise, matters such as the basis of the financial fund to be paid by Lynas for long-term waste management and decommissioning should be communicated more clearly.

"The AELB and Lynas are encouraged to maintain good relations with the media, public and other stakeholders to address continuing widespread misconceptions about the plant and radiation issues," the statement said.

The review mission's final report will be submitted to the Government at the end of this month.



## TPM Biotech Sasar Peningkatan 10 Peratus Hasil Pada 2015

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- [Anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia \(TPM\) Corp Sdn Bhd, TPM Biotech Sdn Bhd \(TPMB\)](#), menasaskan pertumbuhan 10 peratus hasil tahun depan susulan rancangannya untuk meningkatkan pelan pemasaran bagi pengeluaran herba di Raub, Pahang.

"Syarikat itu yakin mencatat peningkatan 10 peratus kepada RM6 juta, sementara kapasiti pengeluaran bulanan bagi produk herba diunjur berkembang antara 10 tan dan 15 tan," kata TPM dalam satu kenyataan.

[Ketua Pegawai Eksekutif TPMB Ahmad Husni Johari](#) berkata pelan pemasaran intensif itu akan memberi tumpuan ke atas kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh TPMB kepada usahawan sedia ada serta usahawan bio ke arah matlamat jangka panjang membantu mereka menembusi pasaran antarabangsa.

"Pasaran herba luar negara terutama China, menawarkan peluang perniagaan yang sangat luas untuk usahawan Malaysia," katanya.

Kemudahan pengeluaran TPMB di Raub mempunyai kapasiti pengeluaran bulanan sebanyak 500,000 uncang dan 500 botol produk amalan pengeluaran baik atau tiga juta kapsul dan 10 tan ekstrak sebulan.

Beliau berkata tindakan seterusnya membabitkan usaha meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya produk halal, kelebihan strategik Malaysia sebagai hab halal global dan strategi menembusi pasaran antarabangsa.

"Rancangan juga dibuat untuk bekerjasama dengan MATRADE untuk membantu usahawan mendapat pendedahan global dengan mengetengahkan produk herba buatan Malaysia pada pameran antarabangsa anjuran agensi itu," kata Husni.

Mengenai kemudahan dan perkhidmatan Makmal Sains Halal TPMB, Husni berkata syarikat itu membuat pelaburan tambahan RM6 juta pada suku terakhir tahun lepas untuk menaik taraf kemudahannya, menjadikannya antara satu daripada kemudahan halal yang paling maju di negara ini.

"Dengan kemudahan makmal halal canggih terbaharu ini, kami memperhebat perkhidmatan halal untuk pengesanan halal dan pembangunan metodologi baharu. Malah, pembangunan metodologi telah membuahkan hasil yang positif daripada bahan mentah halal hinggalah kepada produk siap.

"Kini kami telah membangunkan satu kaedah ujian halal baharu yang mampu menentukan penyembelihan daging dibuat berlandaskan Syariah, [MOSTI TechnoFund](#)," katanya.

TPMB juga sudah memperoleh akreditasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti pensijilan ISO9001: 2008 dan IEC 17025 serta mendapat kelulusan halal daripada JAKIM.

"Di samping itu, kawasan pemprosesan makanannya juga telah menerima tauliah daripada HACCP. Semua akreditasi, pensijilan dan kapasiti pengeluaran komersilnya yang besar menjadikan TPM Biotech Sdn Bhd sebagai pilihan utama bagi usahawan yang terlibat dalam bidang penghasilan produk dan perkhidmatan," katanya.

-- BERNAMA



## TPM Biotech sasar pertumbuhan 10 peratus tahun 2015

**TPM** Biotech Sdn Bhd (TPMB), anak syarikat milik penuh **Technology Park Malaysia Corp Sdn Bhd (TPM)**, menasarkankan pertumbuhan 10 peratus hasil tahun depan susulan rancangannya untuk meningkatkan pelan pemasaran bagi pengeluaran herba di Raub, Pahang.

Ketua Pegawai Eksekutif TPMB, Ahmad Husni Johari, berkata pelan pemasaran intensif itu akan memberi tumpuan ke atas kemudahan dan perkhidmatan ditawarkan syarikat kepada usahawan sedia ada serta usahawan bio ke arah matlamat jangka panjang membantu mereka menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, pasaran herba luar negara terutama China, menawarkan peluang perniagaan yang amat luas untuk usahawan Malaysia.

### **Peningkatan 10 peratus**

"Kami yakin mencatat peningkatan 10 peratus kepada RM6 juta, sementara kapasiti pengeluaran bulanan bagi produk herba diunjur berkembang antara 10 tan dan 15 tan," katanya dalam kenyataan dikeluarkan TPM, semalam.

Kemudahan pengeluaran TPMB di Raub mempunyai kapasiti pengeluaran bulanan sebanyak 500,000 uncang dan 500 botol produk amalan pengeluaran baik atau

tiga juta kapsul dan 10 tan ekstrak sebulan.

Husni berkata, langkah seterusnya membabitkan usaha meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya produk halal, kelebihan strategik Malaysia sebagai hab halal global dan strategi menembusi pasaran antarabangsa.

"Rancangan juga dibuat untuk bekerjasama dengan Matrade untuk membantu usahawan mendapat pendedahan global dengan mengetengahkan produk herba buatan Malaysia pada pameran antarabangsa anjuran agensi itu," katanya.

Mengenai kemudahan dan perkhidmatan Makmal Sains Halal TPMB, beliau berkata syarikat itu membuat pelaburan tambahan RM6 juta pada suku terakhir tahun lalu untuk menaik taraf kemudahan itu, menjadikannya antara satu daripada kemudahan halal paling maju di negara ini.

### **Perhebat perkhidmatan halal**

"Dengan kemudahan makmal halal canggih terbaharu ini, kami memperhebat perkhidmatan halal untuk pengesanan halal dan pembangunan metodologi baharu.

"Malah, pembangunan metodologi telah membuahkan hasil yang positif daripada bahan mentah halal hinggalah kepada produk siap," katanya. **BERNAMA**

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 18 OKTOBER 2014 (SABTU)



## Gempa Bumi Sederhana Landa Jawa, Indonesia

KUCHING, 17 Okt (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter berlaku pada pukul 5.26 petang di Pulau Jawa, Indonesia.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini berkata, gempa itu berpusat 16 km timur laut Sukabumi, Indonesia dan 946 km barat daya Tebedu, Sarawak.

Gempa itu tidak menyebabkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

--BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 18 OKTOBER 2014 (SABTU)



## Gempa Sederhana Landa Barat Daya Sumatera, Indonesia

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.3 pada skala Richter melanda barat daya Sumatera, Indonesia pada 4.02 petang tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini menyatakan gempa itu berpusat di 159 kilomter barat daya Bandar Lampung, Indonesia dan 834 kilometer barat daya Johor Bahru, Johor.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



## Pesisiran Pantai Sarawak Dilanda Fenomena Belalai Air

MIRI, 18 Okt (Bernama) -- Fenomena 'belalai air' iaitu pusaran angin yang hanya berlaku di permukaan air melanda kawasan pesisiran utara Sarawak iaitu di Bandar Bintulu dan Bandaraya Miri, hari ini.

Fenomena yang pada mula menimbulkan keresahan penduduk di sekitar kawasan terbabit, sehinggakan ramai yang berkongsi gambar dalam media sosial seperti Facebook serta Twitter, namun ia berakhir dengan kelegaan apabila tiada kerosakan harta benda dan kemalangan jiwa dilaporkan.

Belalai air paling jelas dapat dilihat di Bintulu manakala di Miri hanya dapat dilihat di kawasan Niah dan mengikut saksi, fenomena belalai air di Bintulu berlaku antara 8.30 pagi dan 10 pagi.

Francis Ngu, 39, yang telah menetap di Bintulu lebih 20 tahun berkata, ketika kejadian cuaca amat gelap dan kebanyakan orang berkejar ke Kidurong untuk melihat sendiri fenomena berkenaan.

"Saya dimaklumkan oleh rakan serta melihat gambar dikongsi dalam media sosial dan saya terus memandu ke Kidurong untuk melihat sendiri fenomena tersebut," katanya ketika dihubungi Bernama.

Francis berkata, fenomena tersebut berlaku dalam tempoh tidak sampai 20 minit namun mengakui ia pengalaman menakutkan kerana bimbang ia akan berlanjutan ke darat dan membahayakan penduduk.

"Saya dah lama menetap di Bintulu dan ini pertama kali saya menyaksikan kejadian ini," katanya.

Mohd Zaidi Amri, 40, yang sedang dalam perjalanan pulang ke Miri dari Sibu turut menyaksikan fenomena tersebut dan mengangap ia pengalaman menakutkan.

"Saya selalu tengok cerita kat televisyen, kejadian ini tak sangka boleh berlaku kat sini," kata bapa kepada tiga anak itu.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu Di-Hata Gobel berkata setakat petang ini, tiada laporan kemalangan jiwa dilaporkan berkaitan fenomena berkenaan.

Jurucakap [Jabatan Meteorologi](#) di Kuching ketika dihubungi berkata belalai air atau puting beliung kecil biasanya berlaku di kawasan pesisiran pantai dan ia akan hilang apabila menghampiri permukaan darat dan tidak membawa bencana.